**LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**
JOHOR PORT AUTHORITY
NO. 4A1-8A1, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG, JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.

Rujukan : LPJ/IP/OPS/3/2JLD4(22)

Tarikh : 07/03/2012

***Senarai Penerima Seperti Di Lampiran 1***

Tuan/Puan,

**LAPORAN STATISTIK PENERIMAAN / IMPORT BAGI KARGO *"HAZARDOUS AND NOXIOUS SUBSTANCES (HNS)"***

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak Jabatan Laut Malaysia (*surat dilampirkan*).

2. Susulan daripada taklimat yang telah diadakan pada **29 Februari 2012** bertempat di **Ibu Pejabat Jabatan Laut Wilayah Selatan**, pihak tuan/puan dikehendaki menghantar maklumat statistik berkenaan pengendalian kargo HNS menggunakan format borang yang di lampirkan. Borang-borang tersebut adalah :

a) Laporan penerimaan tahunan (*yearly*) bagi tahun 2010 & 2011 – **Lampiran A.**

b) Laporan bulanan (*monthly*) bagi tahun 2012 – **Lampiran B**

3. Maklumat tersebut perlu dihantar kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan Laut Malaysia seperti senarai di bawah:

| | No. Telefon | E-mail |
|---|---|---|
| CikRinaMaslina | 03-31695234 | rina@marine.gov.my |
| CikHafizah | 03-33467739 | hafizah@marine.gov.my |
| En.Norhafisol | 03-33467740 | hafisol@marine.gov.my |
| En.ArmaNoramin | 03-31695169 | arma@marine.gov.my |

Pihak tuan/puan juga perlu menghantar salinan maklumat kepada pihak Lembaga Pelabuhan Johor (***u.p : Mohd Zahari Bin Mohd Rusjuna (zahari@lpj.gov.my)***)

CIS-EGDMS
TERIMA
07 MAR 2012
BHGN. OPERASI & KAWAL SELIA
NO. SIRI: 130406
NO. FAIL:
NO. DOK: LPJ/IP/OPS/3/2JLD4(22)

4. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan senarai pegawai seperti di atas. Kerjasama yang diberikan di dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN"**

Saya yang menurut perintah,

**(DAMON NORI BIN MASOOD)**
b.p. Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor
damon@lpj.gov.my

No Kotak: No Dokumen: 130400

**S.K:**

**Pengurus Besar,**
Lembaga Pelabuhan Johor.

**Pegawai Sains,**
Lembaga Pelabuhan Johor.

**Ketua Pengarah Laut,**
Jabatan Laut Malaysia,
Ibu Pejabat Laut,
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor D.E.
**(u/p: Cik Rina Maslina Bt. Baharudin)** **Faks : 03-3169 5167**

**JABATAN LAUT MALAYSIA**
**IBU PEJABAT LAUT**
**PETI SURAT 12, JALAN LIMBUNGAN**
**42007 PELABUHAN KLANG**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Telefon : 03-3346 7777 Emel :
Faksimili : 03-3168 5289 Laman Web :

Ruj. Kami : Bil (49) dlm. JPL/1846-Q Jld. 3
Tarikh : 5 Mac 2012

Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Johor,
4A1 - 8A1 Pusat Perdagangan Pasir Gudang,
Jalan Bandar,
81700 Pasir Gudang,
Johor.
(u.p. : En. Ahmad Syahrir Bin Ashari)

Tuan,

**LAPORAN STATISTIK PENERIMAAN / IMPORT BAGI KARGO *HAZARDOUS AND NOXIOUS SUBSTANCES (HNS)***

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan taklimat yang telah diadakan pada 29 Februari 2012 bertempat di Jabatan Laut Wilayah Selatan adalah berkaitan.

2. Sebagaimana umum sedia maklum, Kerajaan Malaysia sedang dalam pertimbangan untuk melaksanakan *Hazardous and Noxious Substances Convention* (Konvensyen HNS). Tujuannya adalah untuk menyediakan sistem pampasan kerosakan jika terjadinya pencemaran HNS di laut akibat daripada kemalangan yang melibatkan kapal. Langkah ini juga adalah sebagai penambahan dari sistem pampasan pencemaran minyak dan minyak *bunker* yang sedia terpakai bagi Malaysia.

3. Secara amnya, definisi HNS adalah bahan di mana jika ia tersebar ke dalam persekitaran laut akan membahayakan kesihatan manusia dan mengancam ekosistem hidupan marin. Di bawah Konvensyen HNS ini juga, pampasan hendaklah dibayar oleh pihak pemilik kapal dan juga pihak pemilik kargo. Pihak pemilik kargo yang perlu membayar pampasan tersebut adalah **penerima HNS**. Keterangan yang lebih terperinci berkenaan maksud HNS dan penerima HNS turut disertakan bersama dengan surat ini (Lampiran C).

4. Sebagai persiapan untuk melaksanakan Konvensyen HNS ini di Malaysia, laporan penerimaan kargo HNS di semua pelabuhan di Malaysia perlu diwujudkan. Bagi tujuan ini, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan penyediaan laporan tersebut. Memandangkan hampir semua HNS yang diimport atau dieksport melalui jalan laut akan melalui pelabuhan, maka adalah wajar kerjasama pihak tuan diperolehi bagi menyediakan maklumat dan laporan berkenaan.

5. Bagi tujuan di atas, pihak Jabatan ini memohon kerjasama pihak tuan untuk memanjangkan surat ini kepada **penerima / pemilik sebenar kargo HNS** di pelabuhan tuan.

6. Sehubungan dengan itu, penerima / pemilik sebenar kargo HNS dikehendaki memberi maklumat di dalam format yang dilampirkan. Borang – borang tersebut adalah:

a) Laporan penerimaan terkumpul bagi Tahun 2010 dan 2011 – Lampiran A
b) Laporan Tahun 2012 dan seterusnya (secara bulanan) – Lampiran B

Laporan tersebut boleh juga disediakan di dalam bentuk *softcopy*. Jika pihak tuan berminat untuk mendapatkan borang tersebut dalam bentuk *softcopy*, tuan boleh berhubung dengan pegawai - pegawai berkenaan yang tertera di para 9.

7. Laporan penerimaan kargo HNS ini hendaklah dikembalikan ke Jabatan ini **sebelum 30 Mac 2012.**

8. Memandangkan laporan penerimaan HNS adalah amat penting bagi pemeterainaan Konvensyen HNS, kerjasama pihak berhubung perkara ini amat dihargai.

9. Untuk sebarang pertanyaan boleh menghubungi :

| | | |
|---|---|---|
| Cik Rina Maslina | 03 – 3169 5234 | rina@marine.gov.my |
| Cik Hafizah | 03 – 3346 7739 | hafizah@marine.gov.my |
| En. Norhafisol | 03 – 3346 7740 | hafisol@marine.gov.my |
| En Arma Noramin | 03 – 3169 5169 | arma@marine.gov.my |

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(RINA MASLINA BINTI BAHARUDIN)**
b.p. Ketua Pengarah Laut,
Jabatan Laut Malaysia.

**Salinan Kepada :**

Pengarah Laut,
Jabatan Laut Wilayah Selatan,
81560 Gelang Patah,
Johor.